

02 APR 2002

Keganasan-Jordan/I

JORDAN HARAP BAITULMAQDIS AKAN JADI BANDARAYA TERBUKA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Jordan akan menyokong jalan penyelesaian yang dicadangkan oleh Arab Saudi dalam menamatkan krisis di Asia Barat dan mahu Baitulmaqdis dijadikan bandaraya terbuka bagi orang Islam, Kristian dan Yahudi.

Menteri Luarnya, Shaher Bak berkata bandaraya Baitulmaqdis tidak lagi perlu dibahagikan kepada dua dan ini memerlukan Israel menarik diri daripada kawasan yang didudukinya di bandaraya suci itu.

Shaher berkata kesemua tiga agama menganggap Baitulmaqdis sebagai tanah suci mereka. Jika satu agama cuba memaksa niatnya ataupun kepercayaannya, sudah pasti dua lagi tidak akan mengalah.

"Ia perlu menjadi bandaraya terbuka, satu bandaraya yang mana semua pihak boleh bertemu. Ia penting bagi umat Islam, Kristian dan orang Yahudi. Ia boleh menjadi pusat pertemuan bagi pelbagai agama dan tamadun di sebalik semata-mata menjadi satu ruang bagi konflik".

Jordan telah berusaha gigih sejak dua bulan lepas untuk mencari kata sepakat bagi cadangan keamanan Saudi itu, kata beliau di luar Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan di sini.

Semasa sidang kemuncak Arab di Beirut minggu lepas, Putera Mahkota Saudi Putera Abdullah menawarkan peluang "hubungan biasa" dan keselamatan bagi Israel sebagai balasan jika ia berundur daripada tanah-tanah Arab yang didudukinya sejak Perang Enam Hari pada 1967 dan membenarkan pelarian pulang.

Jordan telah cuba menggalakkan dialog antara tamadun dan agama-agama sejak dua dekad lepas melalui Royal Institute di negara itu.

Shaher berkata, Jordan bersetuju dengan takrifan definasi keganasan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan idea-idea beliau bagi memerangi keganasan dalam ucapan pembukaannya.

Pendirian Jordan terhadap keganasan adalah sejajar dengan pendirian Malaysia, katanya.

Beliau berkata adalah penting bagi negara-negara Islam dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk mengorak langkah ke depan dalam menangani keganasan.

Apabila negara-negara Islam bersatu, mereka boleh menyatakan pendirian mereka kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk tindakan lanjut, katanya.

-- BERNAMA

SMO ZS JK